## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 19 OKTOBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | IKAN ASLI PUPUS 15 TAHUN LAGI?, LOKAL, HM -16<br>BAHAYA JIKA TERLEPAS, LOKAL, HM -17<br>'HANYA BERKURANGAN TAPI BELUM PUPUS', LOKAL, HM -17<br>KUASA MELARANG DI BAWAH KERAJAAN NEGERI, LOKAL, HM -17 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5. | LKIM LABUH UNJAM DI 10 LOKASI PERAIRAN PANTAI TIMUR, NEGARA, KOSMO -15 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12. | STATUS TANAH PERTANIAN DITUKAR PROJEK RESORT, DALAM NEGERI, UM -6<br>KARIAH MASJID TANAM PADI SENDIRI TAMPUNG KEPERLUAN, NEGERI, SH -26<br>TANAMAN TEMBIKAI DI LEBIR ECOFARM GUNA BAJA ORGANIK, KELANTAN, HARAKAH -H13<br>PESAWAH KECEWA BAJET MADANI 2024, KECEK KIRO, HARAKAH -H15<br>PAS KEDAH AKAN AMBIL TINDAKAN PIHAK FITNAH ISU BEKALAN BERAS, UTARA, HARAKAH -H16<br>KRONOLOGI 'INSIDEN' PERJANJIAN PEMBEKALAN BERAS, UTARA, HARAKAH -H16<br>HARGA PADI UNDANG RASA TIDAK PUAS HATI PESAWAH, UTARA, HARAKAH -H23 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/10/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# LKIM labuh unjam di 10 lokasi perairan Pantai Timur

**KUALA TERENGGANU** – Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) mengambil inisiatif membesarkan kawasan unjam di tiga negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang membabitkan 10 lokasi melibatkan kos RM2 juta bagi menjamin kelestarian sumber ikan negara.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, projek pembesaran unjam di 10 lokasi itu membabitkan empat di perairan Pahang, manakala masing-masing tiga di perairan Kelantan dan Terengganu.

"Sebanyak 16 unit unjam marinovasi terdiri daripada gabungan 432 unit modul unjam berjaya dilabuhkan di lokasi unjam bendera pada kedalaman 24.38 meter," katanya selepas merasmikan program melabuhkan unjam di perairan Kuala Terengganu di sini.

Muhammad Faiz berkata, pelepasan unjam antara lain menambah kepadatan dan kepelbagaian hidupan marin serta memulihara kawasan pembiakan ikan di perairan itu.

Katanya, inisiatif itu juga dapat mewujudkan lebih banyak habitat baru di kawasan unjam marinovasi.

"Lebih 6,000 nelayan pantai di Terengganu dijangka bakal menerima manfaat seterusnya menambah hasil pendapatan mereka.

"Pemasangan unjam marinovasi itu juga bertujuan memastikan kawasan pesisir pantai berkenaan dicerobohi daripada aktiviti pukat tunda," katanya.

Dalam perkembangan sama, Muhammad Faiz memberitahu sebanyak 210 tapak unjam telah dilabuhkan di seluruh perairan negeri Terengganu sejak tahun 1983.



**SEBAHAGIAN unjam yang dilabuhkan LKIM di perairan Kuala Terengganu semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Status tanah pertanian ditukar projek resort

**PETALING JAYA:** Lokasi kejadian tanah runtuh di Batang Kali yang meragut 31 nyawa pada Disember tahun lalu pada awalnya dilulus untuk tujuan pertanian tetapi telah ditukar kepada pembangunan resort.

Laporan setebal 141 muka surat yang dimuat naik di laman Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) semalam mendedahkan lokasi kejadian tanah runtuh itu berada di bawah komponen pembangunan taman botani.

"Pemilik tanah sebelum itu pernah memohon untuk membangunkan satu resort peranginan, namun ditangguhkan kerajaan negeri Selangor kerana dasar larangan pembangunan pada ketinggian melebihi 1,000 meter dari aras laut.

"Satu kertas kerja pembangunan kemudian dibentangkan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Selangor pada Oktober 2017, namun ia perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor (JPKSAS) untuk kelulusan.

"Bagaimanapun jawatankuasa itu memutuskan menolak permohonan kerana status tanah pertanian," kata laporan itu.

Terdahulu, laporan sama menjelaskan tanah berkenaan didaftarkan atas nama Malaysia Botanical Garden Resort (MBGR) Sdn. Bhd. untuk tujuan pertanian bagi tempoh pajakan 99 tahun.

Pada Mei 2017 kata laporan itu, satu permohonan kebenaran merancang telah dikemukakan semula kepada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) bagi tujuan penyerahan balik dan pemberimilikan untuk pertimbangan semula.




**LAPORAN forensik nahas tanah runtuh Batang Kali.**

Katanya, permohonan itu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan, namun diminta ditarik balik kerana cadangan bercanggah dengan dokumen perjanjian pajakan antara Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan MBGR yang menyatakan bahawa tanah pajakan hendaklah digunakan semata-mata untuk pertanian dan penternakan sahaja.

Pemohon juga perlu mendapatkan kelulusan kajian impak alam sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sekiranya mahu meneruskan projek tersebut.

Kata laporan itu, mesyuarat Jawatankuasa JPKSAS pada 24 Julai 2019 memberi kelulusan dan bersetuju dengan permohonan projek tersebut.

"Sehubungan dengan kelulusan yang telah diberikan, MBGR melalui pihak perancang telah memohon kebenaran merancang kepada MDHS untuk kelulusan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/10/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI | 26 |

Inisiatif sara diri penduduk Kampung Tebakang elak bergantung kepada beras import

# Kariah masjid tanam padi sendiri tampung keperluan

Oleh NORHASPIDA YATIM
MARANG

Koperasi Kariah Masjid Tebakang (Komit) mengambil inisiatif menanam padi darat bagi menampung keperluan sumber makanan ruji itu yang kini berdepan peningkatan harga.

Pengerusi Ahli Lembaga Komit, Hussin Ismail berkata, tanaman padi seluas 4.3 hektar akan diusahakan dengan menyewa tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM).



HUSSIN

Katanya, isu bekalan makanan perlu diberi tumpuan bagi menjamin kesinambungan bekalan makanan di negeri ini.

"Langkah mencari penyelesaian terhadap peningkatan harga sumber makanan asas ini digerakkan secara bersepadu bersama Yayasan Amal Malaysia.

"Bekalan makanan adalah isu penting dibincangkan di seluruh dunia dan dijangka meruncing menjelang 2025.

"Kita cuba sedaya upaya menjadikannya sebagai satu program sara diri atau kendiri khusus untuk masyarakat luar bandar dan kampung. Ia sebagai alternatif terhadap keresahan dialami rakyat hari ini," katanya.

Hussin berkata demikian ketika Majlis Perasmian Komit dan Pelancaran Tanaman Padi Darat Sara Diri Bersama Yayasan Amal Malaysia, di sini, pada Rabu.

Hadir sama Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim dan Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, Ariffin Deraman.

Menurut Hussin, koperasi itu sudah didaftarkan pada November tahun lalu dan kini memiliki seramai 70 peserta.

GUANE GAMOK WEH!



Sebahagian peserta menghadiri Majlis Perasmian Komit dan Pelancaran Tanaman Padi Darat Sara Diri Bersama Yayasan Amal Malaysia di Marang, Terengganu.

Sementara itu, beliau berkata, langkah Komit perlu menjadi contoh kepada kariah masjid yang lain untuk menubuhkan koperasi komuniti berasaskan pertanian.

"Usaha Komit dalam memastikan keterjaminan makanan dan menampung keperluan sumber keperluan asas rakyat negeri ini wajar dicontohi.

"Ia antara langkah meningkatkan bekalan beras dan mengurangkan kebergantungan terhadap beras import," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/10/2023 | HARAKAH | KELANTAN | H13 |

# Tanaman tembikai di Lebir EcoFarm guna baja organik

**GUA MUSANG:** Kaedah organik yang diguna penanaman tembikai di Lebir EcoFarm sekarang menuju ke arah pensijilan organik iaitu MyGAP dan MyOrganik.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek tembikai itu diusahakan persatuan KitaBina.

Katanya kaedah itu bakal memperluaskan lagi pengeluaran tembikai berkenaan bagi memenuhi pasaran luar.

"Keluasan tanaman tembikai seluas 12 ekar mampu mengeluarkan hasil sehingga 16 tan seekar.

"Kaedah pembajaannya 100 peratus organik melalui penggunaan baja keluaran Persatuan KitaBina," katanya pada perasmian Lebir EcoFarm di sini baru-baru ini.



**Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Shaari Mat Hussin menikmati tembikai.**

Turut hadir Timbalan Exco yang juga Adun Paloh, Datuk Shaari Mat Hussin.

Tuan Saripudin juga berkata, Lebir EcoFarm merancang untuk mewujudkan pusat agrotourism bagi meningkatkan tarikan pelancong ke Gua Musang.

"Agrotourism semakin menjadi pilihan pelancong tempatan, saya juga berbesar hati untuk merealisasikan dengan mewujudkan kawasan penternakan rusa di sini.

"Kawasan tersebut begitu strategik dengan keluasan 21 ekar berada di sepanjang Sungai Relai," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/10/2023 | HARAKAH | KECEK KIRO | H15 |


OGHE KITO

# Pesawah kecewa Bajet Madani 2024

Oleh LANJUSOH

OGHE *Kito* masih ingat kata-kata almarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz. Katanya semua orang boleh mentadbir negara termasuk juga Orang Asli, namun hendak bina jiwa rakyat itu sukar.

Maksudnya jiwa rakyat yang dikaitkan dengan kehidupan beragama. Contohnya di era lama orang bukan Islam ditegah datang ke masjid. Namun kefahaman itu diubah Tok Guru Nik Aziz.

Arwah mengajak penduduk bukan Islam datang ke masjid. Mereka datang menerima bantuan daripada kerajaan. Ia secara tidak langsung membolehkan bukan Islam memahami peranan masjid.

Pemikiran seumpama itu jarang muncul sebelum ini. Sesiapa sahaja yang dilantik sebagai ketua kerajaan boleh umum projek dan peruntukan di sana sini.

Begitu juga Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri Jumaat lepas. Bajet itu yang dibentang Anwar Ibrahim merupakan peruntukan tertinggi dalam sejarah pembentangan belanjawan negara.

Belanjawan 2024 bertema 'Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat' melibatkan peruntukan RM393.8 bilion.

Sebanyak RM303.8 bilion untuk belanja mengurus, manakala RM90 bilion belanja pembangunan. Selain itu RM2 bilion simpanan luar jangka.

Perbelanjaan tersebut melibatkan penambahan siling Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sebanyak RM15 bilion menjadikan jumlah keseluruhan RM415 bilion untuk tempoh lima tahun.

Bagaimanapun Belanjawan 2024 Malaysia Madani menimbulkan kekeliruan kerana tidak memberi fokus secara menyeluruh.

Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal menyifatkan ketika pembentangan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) terdapat beberapa isu disentuh, namun tiada penjelasan secara holistik.

Bajet yang dianggar kerajaan lebih dua pertiga dihabis bagi tujuan pengurusan. Sebanyak RM393.8 bilion diperuntukan bagi tujuan tersebut.

Manakala peruntukan untuk pembangunan hanya RM90 bilion. Ini bermakna sekitar 23 peratus untuk perancangan negara.



Pesawah berhempas pulas di tengah bendang demi rakyat Malaysia.

> "*Oghe Kito* dengar Perdana Menteri sebut harga lantai belian padi RM1,300 per tan untuk membantu pendapatan pesawah."

### Pesawah kecewa

Jumlah tersebut bagi tujuan pembangunan dan membina hala tuju negara. Maka tidak hairanlah impian pesawah untuk menikmati semula harga belian padi RM1,700 per tan tidak menjadi kenyataan.

Perdana Menteri hanya menetapkan lantai belian padi RM1,300 per tan.

Kadar harga terbabit tidak jauh berbeza dengan harga belian ditetapkan pengilang sekarang iaitu RM1,250 satu tan.

Kadar itu diturunkan pengilang kira-kira dua minggu lepas. *Oghe Kito* terkejut juga. Kadar ditetapkan kerajaan pada Bajet Madani hanya RM1,300.

Ini bermakna berlaku kenaikan harga lantai sebanyak RM50. Jumlah itu jauh daripada sasaran pesawah.

Setidak-tidaknya mereka mengharapkan harga belian padi ditetapkan RM1,500 bagi 1 tan metrik.

*Oghe Kito* dengar Perdana Menteri sebut harga lantai belian padi RM1,300 per tan untuk membantu pendapatan pesawah.

"Saya mendengar rungutan pesawah apabila harga belian oleh pengilang diturunkan kepada minimum RM1,200 per tan.

"Sedangkan sebelum ini harga belian oleh pengilang jauh lebih tinggi," katanya.

Sedangkan pesawah terpaksa menanggung kos input pertanian seperti tidak terkawal. Harga baja, racun dan upah membajak.

Seorang petugas di kedai milik Peladang di Kota Bharu pernah memberitahu harga baja dan racun naik hampir setiap bulan.

Cuba bayangkan harga racun rumpai sebelum ini sekitar RM75 - RM85, namun sekarang sudah lebih RM100 bagi 4 liter. Begitu juga harga baja dan input pertanian lain.

Adakah dengan kenaikan RM50 bagi setiap tan daripada harga RM1,250 sudah memadai. *Oghe Kito* yakin ia jauh daripada memadai.

"Dalam situasi kekurangan beras tempatan dan kenaikan harga beras import sepatutnya kerajaan memberi tumpuan membantu pesawah.

"Sedangkan mereka penyumbang utama pengeluaran padi negara," kata Adun Pasir Tumboh, Abdul Rahman Yunus.

Ternyata ramai pesawah kecewa. Pandangan serupa dilontar Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia Dr Lee Nan Siang.

Katanya mengambil kira beban saraan hidup semakin berat, rakyat berharap Belanjawan 2024 membantu mereka, namun apa yang dibentang bukan sesuatu yang diharapkan.

"Majoriti rakyat kecewa dengan apa dibentang kerana bukan banyak subsidi akan dikurangkan tetapi juga penambaikan beberapa cukai seperti peningkatan cukai perkhidmatan," katanya seperti dilapor media.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia Nadzim Johan pula menasihatkan kerajaan PH perlu berusaha lebih kuat untuk mendapatkan kembali keyakinan rakyat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/10/2023 | HARAKAH | UTARA | H16 |

ISU BERAS (BERKAITAN KERAJAAN PUSAT/SPRM/NETIZEN)

# PAS Kedah akan ambil tindakan pihak fitnah isu bekalan beras

Oleh **SARINA ISMAIL**

**ALOR SETAR:** PAS Kedah akan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang cuba mengait serta menfitnah parti itu kononnya menjadi dalang utama kes-kes melibatkan pembekalan beras.

Pesuruhjaya PAS Kedah, Dato' Ahmad Yahaya berkata, mereka yang terlibat diberi amaran agar memadam, menarik balik serta memohon maaf atas dakwaan yang tidak berasas itu atau tindakan undang-undang akan diambil.

"Hal ini tidak akan diambil ringan oleh PAS Kedah. Ini merupakan tuduhan fitnah yang dilemparkan kepada parti ini dimain-main di media sosial kononnya PAS terlibat dengan masalah bekalan beras tempatan khususnya di negeri ini," tegas beliau dalam satu kenyataan di sini.

Terdahulu, tular di media sosial kenyataan



Dato' Ahmad Yahaya

songsang daripada netizen kononnya isu ketiadaan beras tempatan ini berpunca daripada PERIKATAN NASIONAL (PN) dan PAS.

Ahli Parlimen PN cuba digambarkan mempunyai kepentingan (saham) dalam BERNAS berikutan kenyataan tergantung Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan kontrak beras bernilai RM100 juta melibatkan anak syarikat (GLC) kerajaan negeri.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor sebelum ini telah menjelaskan, isu berkenaan berlaku pada 2016 dan beliau serta PN belum lagi mentadbir kerajaan negeri ketika itu.

Bahkan kata Ahmad, PAS Kedah sendiri mendukung prinsip serta kelantangan yang ditunjukkan oleh Sanusi memerangi kartel padi dan beras yang berakar dalam rantaian pembekalan sektor berkenaan sejak sekian lama.

"PAS Kedah juga tidak pernah terlibat mahupun memberikan sebarang arahan kepada mana-mana pihak untuk melakukan aktiviti *'hoarding'* sehingga memberikan implikasi terhadap tahap keselamatan makanan negara.

"Adakah mereka cuba untuk mengalih perhatian atas kegagalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menangani isu ini?

"Apapun sila tarik balik tuduhan tidak berasas kepada PAS atau tindakan akan diambil," tegasnya lagi.

## Kronologi 'insiden' perjanjian pembekalan beras

**ALOR SETAR:** Isu dakwaan kononnya kerajaan negeri serta anak syarikatnya terlibat dengan skandal serta penyorokan beras tempatan di negeri ini mendapat perhatian Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Pada sidang media di Wisma Darul Aman baru-baru ini beliau berkata, dakwaan yang tidak jelas serta dianggap 'tergantung' dijadikan spekulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab termasuk beberapa media tempatan kononnya beliau 'menyorok beras'.

Justeru, beliau tampil menjelaskan kedudukan berkenaan melalui kronologi bagaimana 'insiden' perjanjian pembekalan beras yang melibatkan sejumlah RM100 juta.

**Kronologi Isu Beras**

**Perjanjian 2 Mac 2016**

Perjanjian antara Contract Manufacturing And Supply Agreement' telah ditandatangani bersama Syarikat Kedah Agro Holdings Berhad (830455-V) (KAHB) pada 2 Mac 2016.

Perjanjian itu diwakili Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah KAHB, Dato' Ahmad Zaini Japar serta disaksikan

» BERSAMBUNG KE H17

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/10/2023 | HARAKAH | UTARA | H17 |

« DARI H16

oleh Mohd Syaiful Izwan Muhamad Suwarno bersama Syarikat Prolink Marketing Sdn. Bhd. (470098-U) (Prolink) yang diwakili oleh Puvendran Chandran dan Kuganeswaran Chandran.

Projek tersebut melibatkan pemasaran beras keluaran KAHB, tiga jenis beras iaitu Beras Agro Super Special Tempatan, Beras Agro Super Spesial Import dan Beras Agro Sona Mahsuri dalam pek berkapasiti 5 dan 10 kilogram dengan nilai RM 102, 480,000 (28,800 mt).

Perjanjian berkenaan adalah kontrak bagi perniagaan beras di mana Prolink membekalkan beras kepada KAHB, manakala KAHB pula menjualkannya kepada Syarikat Central Regional Distribution Center Sdn. Bhd. (1154599-A) (CRDC).

Dalam pada itu tiada sebarang perjanjian atau kontrak yang mengikat di antara KAHB dan CRDC.

**Nilai Jualan**

Transaksi jualan dan belian telah bermula pada bulan November 2016 sehingga bulan November 2017 (setahun) dengan jumlah transaksi keseluruhan seperti berikut.

Jualan Prolink kepada KAHB berjumlah RM54,085,750 manakala jualan KAHB kepada CRDC pula bernilai RM54,900,030 di mana melibatkan jumlah margin (komisen) sebanyak RM814,280

Sehingga bulan Februari 2018, KAHB telah menerima sebanyak RM11,066,400 sebagai bayaran dari pihak CRDC.

Sementara KAHB pula telah melunaskan bayaran kepada Prolink sebanyak RM10,785,000 dengan margin keuntungan berjumlah RM281,400.

Dalam pada itu baki bayaran yang belum terima daripada pihak CRDC serta belum dibayar kepada pihak Prolink oleh KAHB melibatkan pemiutang (Prolink)sebanyak RM43,833,630 dan penghutang (CRDC) berjumlah RM43,300,750 melibatkan margin RM532,880.

**Laporan Audit Negara**

Pada mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara Bil. 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 17hb Januari 2019 di Cyberjaya, Ketua Pegawai Eksekutif telah memaklumkan bahawa semua urus niaga pemasaran beras telah dihentikan (rujukan: AUDIT(S)/ BSA/147/535/5 JLD 18 (12) bertarikh 25hb Februari 2019).

Atas nasihat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) Bil. 1 Tahun 2019, laporan polis telah dibuat oleh pihak Kedah Agro melalui Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zulkifli Ahmad Rashidi, pada 13hb Mac 2019.

Berikutan laporan berkenaan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Bahagian Kawalselia Padi dan Beras MOA juga telah membuat siasatan dan memanggil pegawai-pegawai yang berkenaan untuk dirakamkan kenyataan.

Berikutan itu pihak Menteri Besar Incorporated (MBI) Kedah juga telah melakukan Audit Khas pada 18/04/2019 berhubung isu pemasaran beras agro.

Rentetan itu Kedah Agro telah menerima surat yang telah ditandatangani oleh para pengarah Prolink berserta Resolusi Pengarah Prolink yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat tersebut bertarikh 24hb Januari 2019.

Resolusi itu adalah berkenaan perakuan pembatalan invois berjumlah RM43,300,750 yang dikemukakan oleh Prolink kepada Kedah Agro berkaitan transaksi pembekalan beras yang berakhir Disember 2016 sehingga Disember 2017.

**Hapuskira Amaun Tertunggak**

Lembaga Pengarah bersetuju untuk menghapuskira amaun yang tertunggak dari transaksi jualan dan belian beras bagi tempoh setahun (1 Disember 2016 sehingga 31 Disember 2017) seperti yang dikemukakan.

Perkara ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (No. 2/ 2019) pada 27hb Mei 2019 setelah menjelaskan implikasi ke atas kedudukan kewangan syarikat bagi transaksi yang tersebut.

Seterusnya pada 10 Februari 2020 melalui Mesyuarat Tindakan Bagi Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (AG's Dashboard) Bilangan 1 Tahun 2020, Projek Pemasaran Beras Agro dimaklumkan sudah tidak dilaksanakan.

Keputusan berkenaan diambil berikutan kes tersebut telah diambilalih oleh SPRM.

Manakala pada 24 Disember 2019, melalui mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, dimaklumkan siasatan SPRM telah selesai dan fail kes telah dihantar ke pejabat Peguam Negara untuk tindakan seterusnya.

Sementara pada 11 Oktober 2021, pihak Kedah Agro telah menerima makluman isu audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2 berstatus "SELESAI" (HIJAU).

